

Anwar bawa suara Malaysia dorong dunia sokong Palestin

Tidak sanggup lebih ramai jadi mangsa kekejaman Zionis


Kuala Lumpur: Seperti mana lantanganya Datuk Seri Anwar Ibrahim bersuara mengenai isu Palestin Gaza di Malaysia, begitulah juga 'kuat' suaranya di pentas dunia.

Matlamat Perdana Menteri mahu mendorong negara-negara lain turut menyahut gesaannya, supaya dinoktahkan kekejaman Israel.

Beliau bukan mahu menjadi 'jagoan' atau juara dalam isu yang telah berlanjutan lebih tujuh dekad itu, sebaliknya tidak sanggup melihat seorang demi seorang penduduk Palestin tersungkur dimamah bumi akibat kezaliman rejim Zionis.

Sebagai manusia dan umat Islam, Anwar tidak mahu anak-anak dan wanita di Gaza terus dizalimi, ditindas dan sengsara akibat perbuatan durjana Israel. Jika dilihat kenyataan demi kenyataannya berkaitan Palestin, ia kelihatan seperti misi peribadi memperjuangkan isu itu.

Dalam lawatan kerja ke Arab Saudi bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pertama ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) di Riyadh, Anwar mengatur jadual



Anwar bersama Mehmet ketika mengadakan pertemuan di Istanbul, semalam. (Foto BERNAMA)

padat untuk bertemu banyak pihak termasuk menghadap Putera Mahkota Arab Saudi, Mohammed bin Salman.

Beliau yang juga Menteri Kewangan turut menggunakan setiap ruang dan peluang pada sidang kemuncak itu untuk membangkitkan isu Palestin dengan seramai mungkin ketua negara ASEAN, terutama yang berjiran dengan Malaysia serta pemimpin GCC.

GCC dianggotai Arab Saudi, Qatar, Bahrain, Oman, Emiriah

Arab Bersatu dan Kuwait.

Malah, ketika ditanya apakah ini menjadi misi beliau, Anwar menjawab: "Kita tidak boleh ketepikan atau sisihkan tanggungjawab kita sebagai umat Islam Malaysia".

Selepas Arab Saudi, Perdana Menteri meneruskan lawatan ke Turkiye, dijadualkan bertemu Presiden Recep Tayyip Erdogan, selain Menteri Kewangan, Mehmet Simsek dan Menteri Luar, Hakan Fidan serta Pengarah Pertubuhan Perisikan Kebangsaan

Turki, Ibrahim Kalin.

Antara topik utama dijangka dibincangkan dalam pertemuan dengan Presiden Turkiye ialah berkaitan konflik di Gaza dengan Anwar beberapa kali mengulangi komitmen Malaysia untuk bersolidariti dengan rakyat Palestin.

Perdana Menteri kemudian berlepas ke Mesir dan dijadualkan bertemu Presiden Abdel Fattah El-Sisi.

Hentikan kekejaman Zionis

Terdahulu pada sidang kemuncak dipengerusikan Putera Mahkota Mohammed yang juga Perdana Menteri Arab Saudi di Riyadh, semua pemimpin diberikan hanya tiga minit untuk menyampaikan kenyataan negara masing-masing.

Anwar menggunakan peluang itu untuk menggesa masyarakat antarabangsa menghentikan kekejaman serta sikap hipokrasi terhadap rakyat Palestin.

"Masyarakat antarabangsa tidak lagi boleh menutup mata terhadap kekejaman itu dan mesti mengambil tindakan untuk menangani punca konflik Palestin-Israel. Tanpa pengecualian, hak asasi manusia perlu dilindungi dan undang-undang antarabangsa harus ditegakkan.

"Rakyat Palestin berhak mendapatkan semula tanah, kediaman dan harta mereka, harus dibenarkan hidup aman serta bermaruah di negara berdaulat, dengan sempadan yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa

berdasarkan perjanjian pra-1967 dan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara mereka," tegasnya.

Bimbang krisis kemanusiaan itu boleh merebak menjadi konflik serantau dan dunia, Anwar mahu semua negara dapat sepatat mencari penyelesaian berkeadilan serta adil berhubung konflik itu.

Konflik Palestin-Israel juga dibincangkan Malaysia dengan Liga Muslim Sedunia semasa Anwar bertemu Setiausaha Agungnya, Sheikh Dr Muhammad Abdulkarim Al-Issa.

Ketika menghadap Putera Mahkota Mohammed yang juga Perdana Menteri Arab Saudi di Istana Al-Yamamah, baginda bersejua dengan pandangan Anwar bahawa perlu dicari penyelesaian untuk membantu Palestin, selain mempermudah penyaluran bantuan kemanusiaan kepada penduduknya.

Lawatan ke Arab Saudi juga menyaksikan kedua-dua negara sepakat mengukuhkan hubungan dua hala dan membawa kerjasama ekonomi ke tahap baharu dengan memperbanyakkan jalinan usaha sama merentasi pelbagai bidang, termasuk teknologi tinggi, penerbangan dan tenaga hijau.

Apa yang pasti, lawatan dua hari Anwar ke Riyadh berhasil mengangkat isu Palestin, khususnya selain meningkat kerjasama diplomatik dan membawa pulangan ekonomi untuk negara. BERNAMA